KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	22/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JMG			

Empat kesan tanah runtuh besar pada sisi gunung



Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin (dua dari kiri) meninjau lokasi kejadian di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan, semalam. (Foto BERNAMA)

Hasil kajian, penilaian risiko perlu dibuat segera elak kejadian berulang

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Yan: Sekurang-kurangnya empat kesan runtuhan tanah dikesan berlaku di puncak Gunung Jerai yang dipercayai menyebabkan bencana geologi membabitkan aliran lumpur dan puing di kawasan kaki gunung berkenaan, Rabu lalu.

Ketua Cawangan Kepakaran Geologi Kejuruteraan, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Dr Ferdaus Abdullah, berkata empat kesan itu berdasarkan pemantauan awal dilakukan Pasukan Task Force Bencana Geologi di sekitar Gunung Jerai, semalam.

Kejadian tanah runtuh berkenaan boleh dikaitkan akibat hujan berterusan dalam masa panjang dan mungkin disebabkan gegaran gempa bumi.

"Dalam kes di Gunung Jerai, kita dapati selain (faktor) hujan pada kadar luar biasa, keadaan muka bumi gunung yang bersudut lebih 25 darjah serta ada retakan batuan kesan luluhawa, menyebabkan tanah runtuh.

"Pengamatan visual mendapati sekurang-kurangnya ada empat kesan tanah runtuh besar pada sisi gunung dengan penduduk memakhumkan kawasan itu dilitupi tumbuhan dan tanah, namun selepas kejadian Rabu lalu, wujud kawasan batuan lebih luas dan itu menunjukkan runtuhan berlaku," katanya pada sidang media, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah JMG Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Abdulah Sulaiman.

Dalam kejadian pada jam 4 petang Rabu lalu, berlaku fenomena kepala air dan banjir lumpur yang turut menghanyutkan pokok balak sehingga menjejaskan lebih 1,000 keluarga di Yan, Gurun dan Merbok.

Ferdaus berkata, pada masa ini pihaknya masih melakukan siasatan terperinci, termasuk memerlukan maklumat pemetaan yang akan dibuat melalui khidmat dron Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JuPem), esok.

"Kita perlu gunakan dron untuk mengenal pasti di mana runtuhan berlaku dan melalui maklumat pemetaan, kita akan tanda kawasan yang berlaku runtuhan bagi membolehkan pasukan penyiasat mengetahui sama ada berlaku banjir atau empangan di gunung yang menyebabkan fenomena kepala air," katanya.

Abdulah pula berkata, bencana geologi di Gunung Jerai mempunyai persamaan dengan beberapa kejadian yang pernah berlaku seperti di Pos Dipang, Perak pada 1996.

Katanya, hasil kajian dan siasatan serta penilaian risiko di Gunung Jerai perlu dibuat segera bagi mengelak kemungkinan kejadian berkenaan berulang dengan tindakan awal dapat diambil.

"Selepas mendapat hasil kajian dan siasatan di Gunung Jerai, kita akan membuat syor kepada pihak kementerian dan kerajaan tempatan bagi dipertimbangkan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Sayani Saidon, berkata anjing dari Unit K-19 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesan bau seperti mayat di kawasan Titi Hayun, tidak jauh dari lokasi penemuan mayat kedua dan ketiga ditemui sebelum ini.

Katanya, bau itu dikesan pada jam 4 petang semalam kira-kira 300 meter dari tapak rumah dusun di kawasan operasi mencari dan menyelamat (SAR) dilakukan di Titi Hayun.

Beliau berkata, berikutan itu pihaknya dengan bantuan jengkaut untuk mengorek kawasan itu untuk mencari kesan bau berkenaan.

"Bagaimanapun, usaha pencarian ini menghadapi kesukaran kerana perlu mengorek longgokan batu dan kayu besar selain akar yang bertimbun," katanya.

Terdahulu katanya, pasukan penyelamat menghadapi kesukaran dan cabaran dalam misi pencarian dua mangsa yang masing-masing dikenali sebagai Ridwan Poniman dan Ku Shuib Ku Abdullah.



Ferdaus menjalankan kajian mengenai tanah runtuh di laluan naik ke Gunung Jerai, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, pihaknya turut menggunakan helikopter Agusta AW189 milik JBPM, dron, dua anjing pengesan dan peralatan khas oleh pasukan STORM JBPM.

Katanya, turut membantu adalah pasukan STORM dari negeri lain seperti 12 anggota dari Selangor, Perak (9), Putrajaya (3) dan Perlis (4), selain kerjasama agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Saifuddin Abdullah pula berkata, lebih 80 anggota APM terbabit dalam operasi pasca banjir membersihkan lumpur di kawasan terjejas.

Beliau berkata, antara lokasi dibersihkan termasuk pekan Yan dan lokasi awam seperti pejabat penghulu dan Sekolah Kebangsaan (SK) Langkasuka yang dipenuhi lumpur tebal sehingga setengah meter.

"Operasi sejak Khamis lalu dan dijangka selesai selewat-lewatnya lima hari. Ia disertai anggota APM dari enam daerah iaitu Kota Setar, Sik, Baling, Kulim, Kubang Pasu dan Yan," katanya.